



"The Entrepreneurial University"

The Official Portal of
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Others | ●●●

Search...

Staff
Staff Email
E-Community

[Home](#)
[Info UMK](#)
[Undergraduate](#)
[Postgraduate](#)
[Faculties/Centres](#)
[Faculty of Entrepreneurship & Business](#)
[Faculty of Creative Technology and Heritage](#)
[Faculty of Veterinary Medicine](#)
[Faculty of Agro-Based Industry](#)
[Faculty of Earth Sciences](#)
[Centre for Modern Languages and Generic Development](#)
[Centre for Graduate Studies](#)
[Campus](#)

Student & Alumni Affairs Office
Student

[Home](#) ▶ [Latest News](#) ▶ UMK tingkatkan hubungan kerjasama dengan tiga buah universiti di China

UMK tingkatkan hubungan kerjasama dengan tiga buah universiti di China



UNIVERSITI Malaysia Kelantan (UMK) melakar satu lagi sejarah baru dalam meningkatkan hubungan akademik dengan institusi pendidikan luar negara apabila menjalin kerjasama dengan tiga buah universiti iaitu Harbin Engineering University, Heilongjiang Academy of Sciences dan Lin Yi University, di China.

Kerjasama itu akan membolehkan UMK dan ketiga-tiga buah universiti dari China itu dapat menikmati pelbagai faedah terutamanya dalam program mobiliti pelajar, program pertukaran staf dan penyelidikan bersama.



Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose berkata, kerjasama ini merupakan satu program balas yang dilakukan oleh ketiga-ketiga buah institusi pengajian tinggi tersebut selepas lawatan delegasi UMK ke China, baru-baru ini.

Justeru itu, UMK amat mengalu-alukan kerjasama ini dan seperti kita maklum bahawa terdapat banyak institusi pengajian di negara berkenaan memiliki kualiti yang hampir sama malah lebih maju daripada institusi-institusi pengajian yang terdapat di negara ini.

Beliau berkata, pihaknya akan mengenalpasti beberapa bidang yang berdaya saing yang boleh dianjurkan bersama terutamanya dalam kerjasama akademik dan penyelidikan.

"Menerusi kerjasama itu, pelbagai faedah yang dapat diperolehi seperti meningkatkan jumlah pelajar antarabangsa di UMK, kerjasama membangunkan kurikulum akademik, meningkatkan jumlah pelajar yang terlibat dalam program mobility antarabangsa dan pertukaran ilmu antara pelajar serta pensyarah UMK," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyaksikan majlis menandatangani Surat Hasrat (LOI) oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), YBhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi dengan Prof. Dr. Liu Zhiqiang (Harbin Engineering University); Prof. Dr. Gou Chung Jing (Heilongjiang Academy of Sciences) dan Prof. Dr. Meng Fan Sheng (Lin Yi University).

Hadir sama, Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan, YBhg. Dato' Dr. Hj. Zainuddin bin Hj. Ibrahim, Timbalan Pengarah Harbin Engineering University, Prof. Dr. Zhao Litao, Pengarah Bahagian Kerjasama Luar Heilongjiang Academy of Sciences, Prof. Dr. Gao Deyu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Akademik & Antarabangsa), YBhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latiff dan Pendaftar UMK, YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak.



Sementara itu, Prof. Datuk Dr. Raduan berkata, kerjasama ini juga dapat menggalakkan perkongsian kepakaran dan pengalaman yang dimiliki disamping dapat menawarkan program kerjasama bagi menawarkan program akademik ijazah berkembar (double degree) dari ketiga-tiga universiti itu pada masa depan.

"UMK juga akan memperhalusi dan membuat penilaian rapi dalam merangka kerjasama strategik yang dilihat mampu membantu Universiti dalam akademik dan penyelidikan yang lebih menjuruskan kepada pembangunan dalam pelbagai bidang,"ujarnya.





Total Visitors :
298993

[Disclaimer](#)

[Privacy Policy](#)

[Security Policy](#)

[Site Map](#)

[Contact Us](#)

[FAQ](#)

[Help](#)

Copyright © 2012 Official Portal University Malaysia Kelantan.
Best View Mozilla/Firefox/IE/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster[a]umk.edu.my
Last Modified: 29/11/2012, 01:59:12.